

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, May 29, 2019 8:55 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Kelab Dan Persatuan UUM COB Pamer Prestasi Cemerlang



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

29 MEI 2019 / 24 RAMADAN 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Nazirah Jaya
Gambar: Mohd Zaidi Johar

KELAB DAN PERSATUAN UUM COB PAMER PRESTASI CEMERLANG



UUM ONLINE: Program Interaksi Bersama Pemimpin Pelajar dan Iftar Ramadhan 2019 telah diadakan pada 23 Mei 2019 (Khamis) bertempat di EDC, Hotels & Resorts UUM.

Program ini merupakan acara tahunan yang dilaksanakan dan melibatkan kesemua kelab dan persatuan di bawah Kolej Perniagaan (COB) bagi meraikan serta menghargai jasa dan usaha gigih pelajar-pelajar dalam melaksanakan program yang telah dirancang.

Dekan Pembangunan Pelajar dan Alumni, UUM COB, Dr. Herman Shah Anuar dalam ucapannya turut berterima kasih kepada semua persatuan dan kelab di bawah PPA UUM COB kerana telah menunjukkan usaha dalam meningkatkan prestasi program yang dianjurkan.

Beliau juga berharap agar program-program lain yang dijalankan selepas ini lebih berdaya saing serta memberi impak yang tinggi selaras dengan objektif penubuhan kelab.

Turut diadakan sesi penyampaian sijil penghargaan dan anugerah kepada kelab yang menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang setengah tahun pertama 2019.

Sesi tersebut dikendalikan Timbalan Dekan PPA COB, Dr. Muhammad Rosni Amir Hussin dan telah disempurnakan oleh Dekan PPA COB.

Kelab yang telah diangkat sebagai pemenang Program Terbaik setengah tahun pertama adalah HRMC, (HR Community Engagement 4.0 - Exploring Northern Of Borneo With Original Sabahan), MOTIC (Green Environment: Lets Recycle With The Diamonds Waste), ECOSA (Leadership Camp), FABS (Banking Awareness 3.0), IFBA (Community Engagement of Islamic Finance Awareness (CEIFA). Kelab MOTIC juga diangkat sebagai penerima Anugerah Khas Kecemerlangan Terpimpin.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelajar Pusat Pengajian UUM COB, Wakil Tetap Praktikum dan Kerjaya, Penasihat Kelab/Persatuan, pegawai dan kakitangan PPA UUM COB, Wakil Majlis Perwakilan Pelajar serta pelajar mobiliti dari Universiti Malaysia Sabah.

Majlis diakhiri dengan jamuan berbuka puasa.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.